



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 22 OKTOBER 2020

#### **STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini, Malaysia mencatatkan bilangan kes pulih COVID-19 sebanyak **486 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah **15, 417 kes** (64.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes). Pecahan kes yang telah pulih COVID-19 mengikut negeri adalah seperti berikut:

- Sabah (250 kes);
- Selangor (109 kes);
- Kedah (67 kes);
- Pulau Pinang (30 kes);
- Perak (13 kes);
- Johor (9 kes);
- Sarawak (6 kes); dan
- Terengganu (2 kes).

#### **STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA**

Pada hari ini, Negeri Sabah masih mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu 578 kes (68.2 peratus). Ini adalah hasil usaha gigih yang dijalankan di negeri Sabah,

di mana lebih banyak petugas kesihatan telah dimobilisasikan daripada Semenanjung Malaysia dan juga dari dalaman negeri Sabah untuk terus menjalankan saringan di lapangan. Pada masa yang sama, lebih banyak ujian makmal RT-PCR telah dapat dijalankan di Sabah dan dihantar ke Semenanjung Malaysia, di samping pertambahan ujian saringan RTK Antigen untuk ujian segera dijalankan di lapangan.

Manakala negeri-negeri di Lembah Klang pula mencatatkan pertambahan sebanyak 164 kes (19.4 peratus dari jumlah keseluruhan kes). Daripada 164 kes baharu, 71 kes (43.3 peratus) adalah daripada kluster-kluster sedia ada dan baharu. Untuk makluman, negeri-negeri ini telah pun diletakkan dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi membendung penularan jangkitan COVID-19 yang dilihat semakin serius.

Secara keseluruhan, sebanyak 13 kes (1.6 peratus) pada hari ini adalah daripada Kluster Penjara Reman, Kluster Tembok dan saringan di Penjara Taiping dan Penjara Tapah. Kes-kes ini sememangnya terasing dan tidak menjangkiti masyarakat. Sebanyak 11 kes merupakan pengunjung yang pulang dari Sabah, yang menjadikan jumlah kes dilaporkan mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah sejak 20 September 2020 adalah sebanyak 465 kes.

Secara keseluruhannya sehingga 22 Oktober 2020 pukul 12:00 tengah hari, sebanyak **847 kes baharu** telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **23,804 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 8,183 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada 847 kes baharu yang dilaporkan, terdapat **lima (5) kes** import yang telah mendapat **jangkitan dari luar negara** dilaporkan di Selangor yang kesemuanya melibatkan bukan warganegara iaitu dari negara;

- India (4 kes); dan
- Amerika Syarikat (1 kes).

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara adalah seperti berikut:

- **Sabah: 578 kes**

- 223 kes daripada kluster-kluster, termasuk enam (6) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Tinusa** dan **Kluster Sauh**;
- 210 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 145 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Selangor: 132 kes**

- 59 kes daripada kluster-kluster termasuk enam (6) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jambu**;
- 55 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Lapan (8) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah); dan
- 10 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 38 kes**

- 33 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Sofi**;
- Empat (4) kes kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: 29 kes**

- 25 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan

- Empat (4) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 23 kes**
  - Sembilan (9) kes daripada kluster-kluster sedia ada termasuk satu (1) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Bah Mutiara**;
  - Tujuh (7) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
  - Dua (2) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah); dan
  - Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perak: 14 kes**
  - Enam (6) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - Enam (6) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pulau Pinang: 10 kes**
  - Lapan (8) kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
  - Dua (2) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Empat (4) kes**
  - Tiga (3) kes daripada kluster sedia ada; dan
  - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kedah: Tiga (3) kes** daripada kluster sedia ada.
- **Melaka: Tiga (3) kes**
  - Dua (2) kes daripada kluster-kluster termasuk satu (1) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Umboo**; dan

- Satu (1) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Kelantan: Tiga (3) kes**
  - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada.
- **Pahang: Dua (2) kes**
  - Satu (1) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah); dan
  - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada.
- **Terengganu: Satu (1) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Johor: Satu (1) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Sarawak: Satu (1) kes** daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

Sehingga kini, terdapat **90 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **29 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **lima (5) kes kematian** berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **204 kes** (0.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Ringkasan kes-kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

Kes Kematian	Kes No.	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (tahun)	Hospital	Latar Belakang
200	15063	Kedah	Perempuan (WN)	67	Hospital Sultanah Bahiyah	Penyakit kencing manis, darah tinggi dan dislipidemia
201	11865	Sabah	Perempuan (WN)	65	Hospital Queen Elizabeth	-
202	23533	Sabah	Lelaki (WN)	88	Hospital Duchess of Kent	-
203	23534	Sabah	Lelaki (WN)	78	Hospital Tuaran	Strok
204	23535	Sabah	Perempuan (BWN)	60	Hospital Duchess of Kent	-

\* WN merujuk kepada warganegara dan BWN bukan warganegara

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

### **ENAM (6) KLUSTER BAHARU DILAPORKAN HARI INI**

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat **enam (6) kluster baharu** telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

## 1) KLUSTER TINUSA

Kluster baharu ini melibatkan daerah Sandakan di negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-12844) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 6 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Duchess of Kent. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti 33 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 22 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 586 individu telah disaring, di mana:

- 33 kes dikesan positif COVID-19 (**3 kes baharu**);
- 486 individu negatif; dan
- 67 individu masih menunggu keputusan.

## 2) KLUSTER SAUH

Kluster baharu ini melibatkan daerah Kota Kinabalu dan Papar di negeri Sabah serta daerah Miri di negeri Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-16540 dan kes ke-17508) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan bergejala pada 13 Oktober 2020. Kes ke-16540 telah dimasukkan ke Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu dan kes ke-17508 telah dimasukkan ke Hospital Miri, Sarawak. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti lagi 15 kes positif COVID-19.

Sehingga 22 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 149 individu telah disaring, di mana:

- 17 kes dikesan positif COVID-19 (**3 kes baharu**); dan
- 132 individu negatif.

### 3) KLUSTER JAMBU

Kluster baharu ini melibatkan daerah Hulu Langat di negeri Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-19367) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan pra pembedahan pada 16 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti 13 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 22 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 139 individu telah disaring, di mana:

- 15 kes dikesan positif COVID-19 (**6 kes baharu**); dan
- 124 masih menunggu keputusan.

### 4) KLUSTER SOFI

Kluster baharu ini melibatkan daerah Seremban di Negeri Sembilan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-22198) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan bergejala pada 20 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Rembau. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti 33 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 22 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 160 individu telah disaring, di mana:

- 34 kes dikesan positif COVID-19 (**33 kes baharu**);
- 11 individu negatif; dan
- 115 masih menunggu keputusan.



## 5) KLUSTER BAH MUTIARA

Kluster baharu ini melibatkan daerah Hulu Langat di negeri Selangor serta daerah Titiwangsa dan Lembah Pantai di WP Kuala Lumpur. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-10507) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 23 Oktober 2020. Kes juga mempunyai sejarah pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah) dan telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti sembilan (9) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 22 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 96 individu telah disaring, di mana:

- 10 kes dikesan positif COVID-19 (**1 kes baharu**); dan
- 86 individu masih menunggu keputusan.

## 6) KLUSTER UMBOO

Kluster baharu ini melibatkan daerah Alor Gajah di negeri Melaka. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-21322) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan di Depoh Tahanan Imigresen pada 18 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Melaka. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti tiga (3) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 22 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 373 individu telah disaring, di mana:

- Empat (4) kes dikesan positif COVID-19 (**1 kes baharu**);
- 218 individu negatif; dan
- 151 individu masih menunggu keputusan.

## NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sembang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
  - Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
  - Amalkan etika batuk dan bersin;
  - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
  - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
  - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);

- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

22 Oktober 2020 @ 5.30 petang.

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 22 OKTOBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SABAH</b>	578	9,868
<b>SELANGOR</b>	137 (5)	3,742
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	23	2,909
<b>KEDAH</b>	3	1,967
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	38	1,157
<b>JOHOR</b>	1	841
<b>SARAWAK</b>	1	770
<b>PULAU PINANG</b>	10	692
<b>PERAK</b>	14	445
<b>PAHANG</b>	2	391
<b>MELAKA</b>	3	305
<b>KELANTAN</b>	3	178
<b>TERENGGANU</b>	1	164
<b>W.P. LABUAN</b>	29	198
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	4	139
<b>PERLIS</b>	0	38
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>847 (5)</b>	<b>23,804</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

**LAMPIRAN 2****Status Status Terkini Kluster Aktif Yang Mencatat Kes Positif Pada Hari Ini  
(22 Oktober 2020)**

<b>Kluster</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah</b>	<b>Kes Baharu</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Jumlah Yang Disaring</b>	<b>Kes Aktif (Kes ICU)</b>	<b>Jumlah Sembuh</b>	<b>Jumlah Kematian</b>	
1	Penjara Kepayan	Sabah	Kota Kinabalu	155	582	1,208	580 (0)	2	0
2	Tujuh Serangkai	Sabah	Tuaran	30	225	2,655	70 (0)	154	1
3	Saguking	WP Labuan	Labuan	16	57	533	57 (0)	0	0
4	Ramai- Ramai	Sabah	Sandakan	15	210	752	138 (1)	72	0
5	Auto	Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya	Petaling, Klang, Kuala Langat, Sepang, Gombak, Hulu Langat, Seremban, Titiwangsa,	10	84	697	84 (0)	0	0

**Putrajaya, Kuala  
Selangor**

<b>6</b>	<b>Utama</b>	<b>Selangor, Melaka, WP Kuala Lumpur</b>	<b>Gombak, Hulu Langat, Petaling, Alor Gajah, Lembah Pantai</b>	<b>8</b>	<b>206</b>	<b>882</b>	<b>155 (0)</b>	<b>51</b>	<b>0</b>
<b>7</b>	<b>Simera</b>	<b>Terengganu, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Johor, WP Putrajaya, Kelantan</b>	<b>Besut, Kuantan, Petaling, Klang, Hulu Langat, Gombak, Port Dickson, Manjung, Hilir Perak, Johor Bahru, Putrajaya, Tanah Merah</b>	<b>8</b>	<b>75</b>	<b>872</b>	<b>60 (0)</b>	<b>15</b>	<b>0</b>
<b>8</b>	<b>Bah Bundle</b>	<b>WP Labuan, Johor</b>	<b>Labuan, Johor Bahru</b>	<b>8</b>	<b>30</b>	<b>645</b>	<b>27 (0)</b>	<b>3</b>	<b>0</b>

9	Cahaya	Selangor, Negeri Sembilan	Petaling, Tampin	8	26	84	26 (0)	0	0
10	Penjara Reman	Pulau Pinang	Timur Laut	6	407	3,991	238 (0)	168	1
11	Surat	Sabah	Sandakan	6	38	173	17 (0)	21	0
12	Merbok	Selangor	Kuala Langat, Klang, Hulu Langat, Petaling, Kuala Selangor	6	24	702	19 (0)	5	0
13	Melati	WP Kuala Lumpur, Selangor, Pahang	Titiwangsa, Klang, Kepong, Kuantan	6	15	211	14 (0)	1	0
14	Menara	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Perak, Terengganu, Melaka	Hulu Langat, Petaling, Gombak, Klang, Sepang, Cheras, Titiwangsa, Lembah Pantai, WP Putrajaya, Larut Matang &	5	73	382	66 (0)	7	0

			<b>Selama, Kuala Nerus, Melaka Tengah</b>						
<b>15</b>	<b>Hentian</b>	<b>Selangor</b>	<b>Hulu Langat</b>	<b>5</b>	<b>55</b>	<b>127</b>	<b>55 (0)</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
<b>16</b>	<b>Bah Manggis</b>	<b>Sabah, Selangor, Negeri Sembilan</b>	<b>Tawau, Kuala Langat, Seremban, Port Dickson</b>	<b>4</b>	<b>64</b>	<b>1,537</b>	<b>45 (0)</b>	<b>19</b>	<b>0</b>
<b>17</b>	<b>Tembok</b>	<b>Kedah, Perak</b>	<b>Kota Setar, Baling, Kuala Muda, Sungai Petani, Kubang Pasu, Padang Terap, Larut Matang &amp; Selama</b>	<b>3</b>	<b>1,586</b>	<b>7,552</b>	<b>713 (4)</b>	<b>871</b>	<b>2</b>
<b>18</b>	<b>Laut</b>	<b>Sabah</b>	<b>Kunak</b>	<b>3</b>	<b>124</b>	<b>617</b>	<b>49 (0)</b>	<b>75</b>	<b>0</b>
<b>19</b>	<b>Buntar</b>	<b>Kedah, Perak, WP Putrajaya, Johor,</b>	<b>Kuala Muda, Kerian, Kinta, Putrajaya, Batu</b>	<b>3</b>	<b>40</b>	<b>547</b>	<b>39 (0)</b>	<b>1</b>	<b>0</b>



		Selangor, Pulau Pinang	Pahat, Johor Bahru, Petaling, Sepang, Seberang Perai Selatan						
20	Long	Selangor, WP Kuala Lumpur	Hulu Langat, Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong	3	21	301	21 (0)	0	0
21	Inai	Sabah	Kudat	3	11	218	11 (0)	0	0
22	Bah Kasturi	Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Selangor, Perak	Seremban, Cheras, Titiwangsa, Petaling, Putrajaya, Klang, Kuala Langat, Hulu, Langat, Gombak, Muallim	2	28	635	16 (0)	12	0
23	Alma	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan,	2	28	276	28 (0)	0	0

**Seberang Perai  
Utara**

<b>24</b>	<b>Basung</b>	<b>Sabah</b>	<b>Kudat</b>	<b>2</b>	<b>21</b>	<b>174</b>	<b>21 (0)</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
<b>25</b>	<b>Kasih</b>	<b>Sabah</b>	<b>Lahad Datu, Kota Kinabalu</b>	<b>1</b>	<b>65</b>	<b>1,868</b>	<b>34 (0)</b>	<b>31</b>	<b>0</b>
<b>26</b>	<b>Sungei Way</b>	<b>Selangor, WP Kuala Lumpur, Pulau Pinang</b>	<b>Petaling, Klang, Gombak, Hulu Langat, Kuala Langat, Titiwangsa, Lembah Pantai, Cheras, Timur Laut, Seberang Perai Utara</b>	<b>1</b>	<b>57</b>	<b>341</b>	<b>37 (0)</b>	<b>20</b>	<b>0</b>

27	Tanamera	Sabah	Tawau	1	50	86	32 (0)	18	0
28	Keladi	Selangor	Klang	1	31	226	31 (0)	0	0
29	Bah Kenangan	Selangor	Hulu Langat	1	26	43	12 (0)	14	0
30	Khazanah	Sabah	Lahad Datu	1	21	1,439	14 (0)	7	0
31	Bukit	Melaka	Melaka Tengah, Jasin, Alor Gajah	1	16	284	16 (0)	0	0
32	Jalan Pantai	WP Kuala Lumpur, Selangor	Lembah Pantai, Petaling	1	12	467	6 (0)	6	0
33	Bah Bangat	WP Labuan	Labuan	1	11	803	3 (0)	8	0